



جابتني أكادم إسلام قيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(100)

Tarikh: 3 Rejab 1447
24 Disember 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	26 Disember 2025 / 5 Rejab 1447
Tajuk	Muhasabah Tahun Berlalu – Azam Tahun Baharu

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MUHASABAH TAHUN BERLALU – AZAM TAHUN BAHARU"

26 Disember 2025 / 5 Rejab 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ دُرُوسًا لِلْمُتَّقِينَ، وَخَلَقَ الزَّمَانَ عِبْرَةً لِلْعَاقِلِينَ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الصَّادِقُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ وَاعْتَبِرُوا بِمَا مَضَى مِنَ السِّنِينِ، وَاجْعَلُوا

Jemaah yang dirahmati llahi,

الْعَامَ الْجَدِيدَ مِفْتَاحًا لِلصَّطَاعَةِ وَالْيَقِينِ.

Marilah kita meningkatkan iman dan memperteguh takwa. Taatilah Allah dengan sepenuh jiwa, walaupun menghadapi cabaran berat untuk menahan nafsu dan ujian dunia. Ingatlah, dunia hanyalah persinggahan sementara, sedang akhirat itulah negeri yang kekal abadi. Hari ini merupakan Jumaat terakhir tahun 2025, oleh itu mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"MUHASABAH TAHUN BERLALU – AZAM TAHUN BAHARU".

Firman Allah SWT:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تَنْظُرْ نَفْسٌ مَا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ

﴿خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴾١٨

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan Nya dan meninggalkan larangan Nya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakannya (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.

(Surah al-Hasyr ayat 18)

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Tahun 2025 hampir melabuhkan tirai. Ambillah sejenak masa pada hari-hari terakhir tahun 2025 ini, untuk bermuhasabah, merenung dan mengimbas, terhadap segala amalan dan perbuatan yang telah kita lakukan sepanjang tahun. Muhasabah membolehkan kita sedar akan kekurangan diri, kesilapan yang pernah kita lakukan, sama ada secara sedar dan secara sengaja, ataupun secara tidak sedar dan secara tidak sengaja.

Muhasabah membolehkan kita merenung kelemahan yang perlu dibaiki dan pada masa yang sama membuat pembetulan serta melakukan perubahan ke arah yang lebih baik. Beberapa perkara yang perlu dimuhasabah:

Pertama: Muhasabah diri terhadap hubungan dengan Allah SWT perlu dilakukan dengan penuh keinsafan. Sepanjang tahun 2025, adakah solat dilaksanakan pada awal waktu? Adakah kita mengutamakan solat berjemaah kalau tidak pun sempat ke masjid, dilakukan bersama anggota keluarga di rumah? Adakah membaca al-Quran dijadikan amalan harian? Pertambahan usia seharusnya seiring dengan pertambahan iman dan ketaatan, kerana perubahan diri adalah asas kepada perubahan yang lebih besar dalam kehidupan seorang hamba.

Kedua: Muhasabah diri dari sudut akhlak dan amanah menuntut kejujuran dalam menilai sikap dan amalan harian. Penjagaan lidah, tulisan dan tingkah laku, khususnya dalam ruang media sosial, mencerminkan kematangan iman. Sifat amanah di tempat kerja, ketika bermiaga dan melakukan tanggungjawab harian, bukan sekadar tanggungjawab terhadap sesama manusia, tetapi untuk memenuhi perintah Allah SWT. Akhlak yang rosak akan menghilangkan keberkatan hidup walaupun seseorang kelihatan berjaya pada mata manusia.

Ketiga: Muhasabah terhadap institusi keluarga amat penting kerana keluarga adalah asas pembinaan ummah. Masa berkualiti, kasih sayang dan didikan yang berterusan menjadi tiang seri keharmonian rumah tangga. Rumah yang dihidupkan dengan solat, doa, zikir dan perbualan yang barakah, melahirkan jiwa yang tenang.



Keempat: Muhasabah peranan ibu bapa dan anak-anak menuntut kesedaran bahawa pendidikan bermula dengan teladan. Ibu bapa bukan sekadar pemberi arahan tetapi menjadi contoh ikutan akhlak dan ibadah. Anak-anak memerlukan bimbingan seimbang antara kasih sayang dan disiplin, agar mereka tidak membesar tanpa arah; bahawa generasi masa hadapan, dibentuk melalui didikan pada hari ini.

Kelima: Muhasabah terhadap peranan dalam masyarakat menuntut setiap insan bersifat penyatu, bukan pencetus perpecahan. Kepekaan terhadap penderitaan orang lain seperti fakir miskin, mangsa bencana serta ahli keluarga dan jiran yang kesempitan, mencerminkan keimanan sebenar. Masyarakat beriman tidak hanya diukur dengan banyaknya mengerjakan ibadah secara peribadi, tetapi dikukuh dengan nilai-nilai empati, tolong-menolong dan kasih sayang sesama insan.

Jemaah yang dimuliakan

Sepanjang tahun 2025, apa jua ujian, musibah dan peristiwa yang menimpa ummah, sama ada baik atau buruk, membawa kebahagiaan atau kesedihan, suka atau duka; hendaklah diterima sebagai ketentuan Ilahi yang mengandungi pelbagai hikmah. Rasulullah SAW menggambarkan keistimewaan orang mukmin melalui sabda Baginda:

عَجَباً لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلُّهُ لَهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ: إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ
 شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ
 (Hadis Riwayat Muslim)

Bermaksud: Sungguh menakjubkan keadaan seorang mukmin. Setiap urusannya itu ada kebaikan. Ini tidaklah didapati kecuali pada orang mukmin sahaja. Jika dia diberi kesenangan, kemudian ia bersyukur, maka itu baik baginya. Jika dia ditimpa kesusahan, dia bersabar, maka itu pun baik baginya. (Hadis Riwayat Muslim)

Ayat 18 surah al-Hasyr yang khatib jadikan rujukan pada awal khutbah, menunjukkan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba Nya agar sentiasa memerhatikan perbuatan yang pernah dilakukan untuk dinilai dan terus dibaiki sebagai persediaan bagi memperoleh kejayaan dunia – kejayaan akhirat.



Tahun baharu yang bakal menjelang menuntut kita memperbaharui azam dan niat. Azam bukan sekadar perancangan di atas kertas, tetapi menuntut kesungguhan mahu melakukan perubahan. Jika tahun lalu kita leka, tahun ini kita hendaklah sedar. Jika tahun lalu kita banyak mengeluh, tahun ini kita hendaknya banyak bersyukur. Azam tahun baharu hendaklah dilakukan untuk kejayaan duniawi dan ukhrawi. Mimbar mencadangkan azam duniawi dan ukhrawi seperti berikut:

Pertama: Memastikan azam duniawi selari dengan syariat, berusaha meningkatkan disiplin, kecekapan dan integriti dalam kerjaya yang diceburi. Meningkatkan penguasaan pelbagai ilmu dan kemahiran. Mengamalkan gaya hidup sihat dan menjauhi tabiat yang merosakkan rohani dan jasmani. Memperbaiki hubungan dengan ahli keluarga, jiran, rakan sekerja dan masyarakat. Mengurus perbelanjaan dan kewangan secara berhemah di samping melaksanakan amanah dengan tekun.

Kedua: Azam ukhrawi berusaha memperbaiki amalan solat, puasa, tilawah dan penghayatan al-Quran serta amalan-amalan sunat. Menjaga akhlak, lidah dan perbuatan. Memperbanyakkan sedekah, wakaf dan amal jariah. Meningkatkan keinsafan, bertaubat atas dosa lampau dan bertekad tidak mengulanginya. Mempelajari ilmu agama dan menyebarkannya kepada keluarga, masyarakat dan umat Islam.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyimpulkan:

Pertama: Tahun yang berlalu menandakan usia kita semakin tua – ajal semakin hampir. Oleh itu, perbanyakkan bertaubat, memohon keampunan llahi, melakukan amar makruf dan menjauhi diri daripada perkara mungkar.

Kedua: Lakukan muhasabah diri, dengan mengenal pasti dan menyenaraikan kelemahan dan kekurangan di samping menggandakan amalan soleh dan kegiatan berfaedah demi kebaikan diri, agama, bangsa dan negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَعْنَيْ وَإِيَّاكمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى أَهْلِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ أَمْنَوْا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَنِيْنِمِ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِتِّهِمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينِ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, terimalah amal kebaikan yang kami lakukan dan ampunkan apa juu kesilapan, kecuaian dan kelalaian kami sepanjang tahun ini; Jadikanlah tahun baharu yang bakal menjelang lebih baik dan bermakna. Bimbinglah kami dalam usaha meningkatkan ketaatan kepada Mu dan matikan kami dalam kesudahan yang baik.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhammin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آءَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.